

**KENYATAAN MEDIA****SWM ENVIRONMENT FOKUS OPERASI BAZAR, KUTIPAN SISA PERAYAAN**

---

**JOHOR BAHRU, 22 MAC** – SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) akan memberi fokus kepada kepada Operasi Bazar Ramadan dan Kutipan Sisa Perayaan di 15 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri Johor sepanjang bulan Ramadan dan menjelang sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam bin Mohd Nordin berkata, seramai 260 orang anggota SWM Environment dengan sokongan 55 buah lori kompaktor dan sekitar 200 unit kemudahan tong sampah akan disediakan untuk memastikan kelancaran perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di 112 lokasi bazar Ramadan.

Justeru itu, pihak SWM Environment memohon kerjasama daripada para penganjur, peniaga dan pengunjung bazar Ramadan untuk menguruskan sisa mereka secara tertib dengan memanfaatkan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan serta sentiasa memastikan kebersihan di bazar-bazar Ramadan. Orang ramai juga dinasihatkan untuk menerapkan Kempen Hargai Makanan, Elakkan Pembaziran (*Value Food No Waste*) bagi mengurangkan janaan sisa makanan sepanjang bulan Ramadan ini.

Sementara itu, sebanyak 240 buah lori kutipan sisa pukal, sisa kebun dan barangan kitar semula membabitkan seramai 720 orang anggota SWM Environment pula sedia untuk memenuhi keperluan penduduk membuat persediaan dan melaksanakan pembersihan di kediaman masing-masing terutama di kawasan berkepadatan umat Islam yang ramai.

Penduduk hanya perlu menempatkan sisa pukal, sisa kebun dan barangan kitar semula di tepi tong sampah beroda mereka mengikut ketetapan jadual perkhidmatan yang boleh dirujuk pada papan tanda jadual perkhidmatan atau secara dalam talian melalui laman sesawang [www.swmenvironment.com](http://www.swmenvironment.com).

**TAMAT.**



### **MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.**

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: [www.swmenvironment.com](http://www.swmenvironment.com).

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

**Cik Livingwater a/p Ponnusamy**

Penolong Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Johor Selatan)

Tel : 07 – 335 6000 / 016 – 783 6759

E-mel : [livingwater.ponnusamy@swmsb.com](mailto:livingwater.ponnusamy@swmsb.com)